

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 14.11.2016**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan sistem pembelajaran j-QAF ini di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan beberapa kajian melibatkan pelaksanaan Program j-QAF yang bertujuan melihat keberkesanan Program j-QAF. Dapatan kajian tersebut menunjukkan pelaksanaan Program j-QAF mampu meningkatkan penguasaan murid dalam tilawah Al-Quran, Jawi, Bahasa Arab dan Solat. KPM sedang giat melaksanakan wacana Program j-QAF Menengah untuk mendapatkan pandangan pelbagai pihak berkepentingan sebelum Program j-QAF dapat diperluaskan ke peringkat sekolah menengah. Walau bagaimanapun pelaksanaan Program j-QAF Menengah bergantung kepada kedudukan kewangan dan kelulusan agensi pusat.